

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan bahan dan alatan iaitu :
 - (a) Kad situasi
 - (b) Kertas Mahjong
 - (c) *Marker pen*
 3. Setiap kumpulan akan diberi kad soalan. Hasil perbincangan akan ditulis di atas kertas mahjong dan dipaparkan mengikut kumpulan masing-masing.
 4. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
 5. Setiap kumpulan boleh menulis komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan dengan menggunakan pen yang berbeza.
 6. Guru akan membuat rumusan berdasarkan hasil kerja murid dan menentukan kumpulan yang banyak menyumbang idea.
 7. Gunakan kad situasi di bawah: SP 1.2, 1.3, 1.4, 1.5 TP 6

- (a) Cara mengamalkan sikap kepercayaan kepada Tuhan demi kesejahteraan negara.
- (b) Kepentingan amalan kepercayaan kepada Tuhan demi kesejahteraan negara.
- (c) Perasaan berkaitan dengan amalan kepercayaan kepada Tuhan demi kesejahteraan negara.

Kad 1

Kamu melihat papan tanda di masjid dan gereja yang mengajak masyarakat mendoakan kesejahteraan negara.

- (a) Cara mengamalkan
- (b) Kepentingan
- (c) Perasaan

Kad 2

Kamu ternampak seorang rakan menghina agama lain di ruangan komen media sosial.

- (a) Cara mengamalkan
- (b) Kepentingan
- (c) Perasaan

Kad 3

Seorang pemimpin masyarakat mengajak semua penduduk beragama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu mendoakan kesejahteraan negara pada sambutan Hari Malaysia.

- (a) Cara mengamalkan
- (b) Kepentingan
- (c) Perasaan

Kad 4

Semasa menonton berita bersama keluarga, kamu melihat pergaduhan kaum berlaku di negara lain akibat perbezaan agama.

- (a) Cara mengamalkan
- (b) Kepentingan
- (c) Perasaan